

1. KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Program Anugerah Pekerja Contoh KPWKM merupakan program yang akan dilaksanakan pada peringkat permulaan setiap enam (6) bulan iaitu pada Jun dan Disember. Anugerah ini terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu kategori Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan kategori Kumpulan Pelaksana. Pelaksanaan program tersebut adalah seperti berikut:

A. Pelaksanaan Di Kementerian

- **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KPWKM** merupakan **Urus Setia** bagi Anugerah Pekerja Contoh KPWKM;
- Setiap Bahagian/Unit di Kementerian boleh **mengemukakan sehingga empat (4) orang calon pegawai/kakitangan** bagi setiap kategori kepada Urus Setia di KPWKM;
- Panel Pemilihan Anugerah Pekerja di Peringkat Kementerian boleh **memperakukan seorang atau lebih penerima bagi setiap kategori** untuk menerima Anugerah Pekerja Contoh; dan
- Carta Aliran Proses Pemilihan Anugerah Pekerja Contoh Peringkat Kementerian adalah seperti di **Lampiran A**.

B. Pelaksanaan Di Jabatan/Agensi (Ibu Pejabat)

- **Bahagian/Unit Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan/Agensi** merupakan **Urus Setia** bagi Anugerah Pekerja Contoh di peringkat Jabatan/Agensi (Ibu Pejabat);

- Setiap Bahagian/Unit di Jabatan/Agensi (Ibu Pejabat) perlu **mengemukakan sehingga empat (4) orang calon pegawai/kakitangan bagi setiap kategori** kepada Urus Setia di Jabatan/Agensi masing-masing;
- Panel Pemilihan Anugerah Pekerja Peringkat Jabatan/Agensi boleh **memperakukan seorang atau lebih penerima bagi setiap kategori** dari setiap Bahagian/Unit terlebih dahulu sebelum dikemukakan ke Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, KPWKM; dan
- Carta Aliran Proses Pemilihan Anugerah Pekerja Contoh Peringkat Jabatan/Agensi seperti di **Lampiran B.**

3.2 Penerima Anugerah Pekerja Contoh akan menerima **Sijil Penghargaan** yang ditandatangani oleh Ketua Setiausaha KPWKM dan nama serta gambar penerima akan dipamerkan kawasan yang akan dikenalpasti.

2. KRITERIA PEMARKAHAN

Ketua Jabatan/Agensi/Bahagian/Unit perlu melengkapkan **Borang Pencalonan Anugerah Pekerja Contoh** yang mengandungi kriteria **(Lampiran C)** pemarkahan yang telah ditetapkan. Ketua Jabatan/Agensi/Bahagian perlu menilai menggunakan skala pemarkahan 1 hingga 10 bagi setiap kod kriteria. Selain itu, Ketua Jabatan/Agensi/Bahagian juga perlu memberikan ulasan bagi menyokong pencalonan masing-masing. Keputusan Panel Pemilihan Anugerah Pekerja Contoh KPWKM adalah muktamad.

3. PANEL PEMILIHAN ANUGERAH PEKERJA CONTOH PERINGKAT KEMENTERIAN

5.1 Panel Pemilihan Anugerah Pekerja Contoh Peringkat Kementerian (Sektor Operasi dan Strategik) adalah seperti berikut:

- i. **Pengerusi** : **TKSU (O)**
- ii. **Ahli 1** : **Wakil daripada Bahagian Dasar, KPWKM**
- iii. **Ahli 2** : **Wakil daripada ISM**
- iv. **Ahli 3** : **Wakil daripada NIEW**
- v. **Ahli 4** : **Wakil daripada BKP, KPWKM**
- iv.vi. **Urusetia** : **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
KPWKM**

4. PANEL PEMILIHAN ANUGERAH PEKERJA CONTOH PERINGKAT JABATAN/AGENSI (IBU PEJABAT)

6.1 Panel Pemilihan Anugerah Pekerja Contoh Peringkat Jabatan/ Agensi (Ibu Pejabat) adalah seperti berikut:

- i. **Pengerusi** : **Ketua Pengarah/ Pengarah/ Timbalan
Ketua Pengarah/ Timbalan Pengarah**
- ii. **Ahli 1** : **Ketua Bahagian PSM Jabatan/Agensi**
- iii. **Ahli 2** : **Bergantung kepada pemilihan oleh
Urus Setia Jabatan/Agensi (Ibu Pejabat)**
- v. **Urusetia** : **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Jabatan/Agensi (Ibu Pejabat)**